

1. Rumah di hujung kampung itu tidak berpenghuni lagi kerana _____nya telah merajai dunia.

- ☐ A wali hakim
- ☐ B tuan rumah
- ☐ C kongsi gelap
- ☐ D nenek moyang

2. Berpuluh-puluh buah syarikat saham di Bursa Malaysia terpaksa menutup _____ lebih awal ekoran krisis politik yang meruncing di Amerika Syarikat.

- ☐ A duit kertas
- ☐ B urus niaga
- ☐ C tukaran asing
- ☐ D modal pusingan

3. Arkitek itu diberi masa selama sebulan untuk menyiapkan _____ bangunan tersebut.

- ☐ A reka letak
- ☐ B reka grafik
- ☐ C reka corak
- ☐ D reka bentuk

4. Encik Tamrin dan isterinya sanggup _____ untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang berkualiti.

- ☐ A berhati waja
- ☐ B bertolak ansur
- ☐ C bertarung nyawa
- ☐ D bergolok bergadai

5. Penggunaan _____ yang berlebihan dalam penanaman sayur-sayuran akan memudaratkan pengguna.

- ☐ A racun serangga
- ☐ B zat makanan
- ☐ C baja organik
- ☐ D tanah liat

6. Fadlul digelar _____ guru kelasnya kerana dia sangat disayangi oleh sebab kecemerlangannya dalam pelajaran.

- ☐ A puteri lilin
- ☐ B anak emas
- ☐ C bidan terjun
- ☐ D tulang belakang

7. Mesin hemodialisis itu akan disumbangkan kepada Hospital Taiping untuk kegunaan beberapa orang pesakit _____ di situ.

- ☐ A darah tinggi
- ☐ B lemah jantung
- ☐ C kencing manis
- ☐ D buah pinggang

8. Hampir semua _____ di negara ini menjadikan berita tentang penculikan anak _____ van tersohor itu sebagai tajuk berita muka depan.

- ☐ A surat layang
- ☐ B surat khabar
- ☐ C kad jemputan
- ☐ D majalah hiburan

9. _____ Encik Halim berasal dari Sumatera, Indonesia. Dia sudah dianggap seperti saudara sendiri oleh Encik Halim sekeluarga.

- ☐ A Orang gaji
- ☐ B Orang asli
- ☐ C Orang halus
- ☐ D Orang rumah

10. Penggunaan _____ dalam penulisan karangan murid-murid pada hari ini membimbangkan guru-guru.

- ☐ A tanda baca
- ☐ B daya usaha
- ☐ C buah fikiran
- ☐ D bahasa pasar

11. Amri dan adiknya pergi ke _____ untuk membeli barang-barang dapur yang dipesan oleh ibu mereka.

- ☐ A balai raya
- ☐ B rumah api
- ☐ C pasar mini
- ☐ D pejabat pos

12. Suasana yang bising di dalam kelas itu sebentar tadi menjadi _____ apabila guru disiplin memasuki kelas tersebut.

- ☐ A letih lesu
- ☐ B sunyi sepi
- ☐ C lemah longlai
- ☐ D resah gelisah

13. Paramedik itu bergegas ke padang untuk memberikan bantuan kecemasan kepada seorang pemain _____ yang pengsan ketika bermain.

- ☐ A bola jaring
- ☐ B bola sepak
- ☐ C bola tampar
- ☐ D bola keranjang

14. Saintis itu sedang membuat persiapan untuk sesi _____ bersama-sama dengan _____ di stesen televisyen terkenal.

☐ A janji temu
☐ B ulang kaji
☐ C temu duga
☐ D temu ramah

15. Kita harus bersenam setiap minggu supaya _____ kita sentiasa sihat dan cergas.

☐ A isi perut
☐ B mata hati
☐ C tubuh badan
☐ D batang hidung

16. Mereka akan melakukan _____ terhadap mayat itu untuk mengetahui punca kematiannya.

☐ A uji kaji
☐ B ulang kaji
☐ C soal siasat
☐ D bedah siasat

17. Kita hendaklah _____ para guru yang telah mendidik kita menjadi insan yang berilmu.

☐ A mengenang jasa
☐ B memendam rasa
☐ C mengikut telunjuk
☐ D memegang amanah

18. Salah satu cara untuk menyekat wabak denggi di kawasan perumahan ialah melalui _____.

☐ A pancuran air
☐ B simbah air
☐ C kepulan asap
☐ D semburan kabus

19. Gincu yang dijual oleh Siew Meng itu berwarna _____.

☐ A pucat lesi
☐ B ikal mayang
☐ C merah jambu
☐ D sawo matang

20. Cikgu Burhan menggunakan mesin projektor semasa mengajarkan _____ Pendidikan Seni Visual.

☐ A reka bentuk
☐ B daya ingatan
☐ C cakera padat
☐ D mata pelajaran